



MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' Sr HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

SEMPENA

MAJLIS PELANCARAN KARNIVAL UPCYCLE
DESIGN VILLAGE

TARIKH / MASA / TEMPAT

19 JULAI 2020 (AHAD)
2.00 PETANG

TINGKAT 1, MEDAN SELERA
DESIGN VILLAGE OUTLET MALL
BATU KAWAN

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik
ADUN Bukit Tambun

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Yang Berusaha Ir Hajah Rosnani Binti Haji Mahmod
Setiausaha Bandaraya
Majlis Bandaraya Seberang Perai

Encik Ernest Chuah Jan Kwai
Director of Operations
PE Land Sdn. Bhd.

Pengunjung-Pengunjung

Rakan-rakan Media

Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,

Selamat petang dan salam sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurniannya dapat kita bersama-sama pada hari ini di dalam Majlis Pelancaran Karnival *Upcycle* Design Village anjuran Majlis Bandaraya Seberang Perai bersama-sama Design Village Outlet Mall Batu Kawan.

Saya amat mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Tuan Goh Choon Aik, Ahli Dewan Undangan Negeri Bukit Tambun yang menyokong segala usaha dan program MBSP, wakil-wakil komuniti dan individu yang akan mengambil bahagian Karnival *Upcycle* ini serta tuan-tuan dan puan-puan dalam bersama-sama memeriahkan majlis kita pada petang ini.

Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan ribuan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada Encik Ernest Chuah Jan Kwai, *Director of Operations*, mewakili pihak Pengurusan Design Village, PE Land Sdn. Bhd. kerana sudi bekerjasama dengan MBSP dalam mempromosikan Karnival *Upcycle* ini dengan menyediakan ruang bagi kumpulan komuniti, persatuan dan individu untuk memasarkan barangan *upcycle* mereka pada Ahad ketiga setiap bulan dari jam 11.00 pagi hingga 10.00 malam.

Ini merupakan satu kerjasama strategik menggunakan pendekatan *smart partnership* melalui konsep 7Ps (*People, Public, Private, Philanthropy, Philosopher, Planet Partnership*). Melalui pendekatan ini, jalinan kerjasama secara tidak langsung memberi impak positif terhadap usaha-usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar dan bumi kita serta memberi manfaat kepada rakyat dan menyumbang kepada pembangunan di Seberang Perai.

Saya amat-amat menggalakkan komuniti-komuniti, ibu-ibu tunggal, individu-individu mengambil kesempatan ini bagi menghasilkan lebih banyak produk *upcycle* dalam usaha untuk membantu mengurangkan sisa buangan terutamanya sisa yang tidak dapat dikitar semula ke tapak pelupusan sampah.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah mewujudkan Program Komuniti *Upcycle* hasil daripada pemerhatian ke atas aktiviti kitar semula komuniti yang dijalankan di kawasan Seberang Perai di bawah seliaan MBSP. Dalam pelaksanaan aktiviti kitar semula, MBSP telah mengenalpasti

satu permasalahan iaitu adanya barangan buangan yang tidak dapat dikitar semula. Barangan buangan yang tidak boleh dikitar semula akan berakhir di tapak pelupusan sampah. Justeru, untuk mengelakkan ini berlaku, MBSP telah mengambil langkah yang bijak dengan memperkenalkan penghasilan produk melalui program *upcycle*.

Komuniti yang berminat dikenalkan dan latihan dalam pembuatan barangan *upcycle* daripada barangan terbuang diberikan kepada mereka. Bagi komuniti yang telah mahir, mereka juga akan menyumbangkan ilmu dan kemahiran mereka kepada satu komuniti yang lain pula. Seramai 25 individu yang aktif dan cekap menghasilkan produk *upcycle* telah dilantik sebagai Jurulatih *Upcycle* pada 17 September 2016. Jumlah Bengkel *Upcycle* yang diadakan pada tahun 2018 ialah 26 manakala pada tahun 2019 ialah 34.

Antara komuniti, individu dan syarikat yang telah memulakan aktiviti-aktiviti penghasilan produk *upcycle* adalah:-

- i. **Persatuan Penduduk Kepala Gajah** yang telah mempromosikan produk *upcycle* semasa International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM) di Kuala Lumpur Convention Centre pada tahun lepas. Persatuan ini bukan sahaja

mempromosikan imej Pulau Pinang bahkan memberi tunjuk ajar kepada pengunjung.

- ii. **Puan Asni Othman dari Kampung Tun Sardon** yang merupakan salah seorang daripada jurulatih *upcycle* yang telah dilantik oleh MBSP juga telah dijemput mempromosikan Karnival Craft pada 24 Februari 2020 hingga 9 Mac 2020 di Kraft Malaysia.
- iii. **Penduduk Permatang Nibong** di mana telah memulakan program kitar semula sejak tahun 2012 di bawah Jawatankuasa Kariah Masjid. Program kitar semula Permatang Nibong telah berkembang maju dengan penglibatan aktif para penduduk sehingga ke tahap mampu menghasilkan produk-produk *upcycle*. Susulan daripada kejayaan ini, para penduduk telah menubuhkan Koperasi Lestari Permatang Nibong untuk tujuan promosi dan pemasaran produk *upcycle*.
- iv. **Puan Loh Poh Chen**, yang mewakili penduduk atau penghuni Pangsapuri Taman Pandan telah mengendalikan aktiviti-aktiviti kitar semula, pembuatan kompos dan penternakan berskala kecil. Beliau adalah salah satu pelopor dalam pengurusan sisa buangan. Persatuan penduduk ini juga menghasilkan beg plastik yang diperbuat daripada plastik kitar semula dan kain rentang iklan.

- v. **Puan Chew Swee Keok, Taman Bukit Minyak dan Puan Ooi Guat Tin, Machang Bubuk** yang mengusahakan aktiviti menjahit kain lebihan atau terpakai (perca kain) untuk dijahit dan dijadikan bahan *upcycle* seperti beg.
- vi. **Pusat Sumber Alam Sekitar Taman Bagan Lalang** yang memainkan peranan aktif dalam menjalankan aktiviti-aktiviti berkaitan kitar semula, pendidikan alam sekitar, pengkomposan serta kebun kejiranan
- vii. **Syarikat South Island Garment** [yang menjalankan penyelidikan dan pembangunan (R & D)] dalam penghasilan produk-produk *upcycle*. South Island Garment Sdn. Bhd. juga membantu MBSP dalam membekalkan perca kain kepada individu-individu dan komuniti yang berminat untuk menjahit beg. Syarikat ini telah menyumbang 300kg kain perca setiap bulan.

Aktiviti Upcycle yang dijalankan adalah sejajar dengan matlamat Majlis Bandaraya Seberang Perai dalam menjadikan '*circular economy*' sebagai asas kepada pembangunan. Melalui '*circular economy*', sesuatu produk, komponen mahupun sumber akan dimaksimakan penggunaannya bagi mengurangkan penjanaaan sisa. Ianya secara tidak langsung menuju ke arah memaksimumkan kitar semula, meminimakan sisa lebihan,

mengurangkan penggunaan dan memastikan setiap barangan yang dihasilkan boleh diguna semula, dibaiki, dikitar dan dikomposkan sesuai dengan konsep 8R yang diwar-warkan iaitu *Rethink; Refuse; Reduce; Re-use; Repair; Re-gift; Recover; dan Recycle*.

Selain itu, Program *Upcycle* juga termaktub di dalam *Seberang Perai Corporate Priorities* yang bertujuan untuk mewujudkan komuniti mampan, memastikan penduduk memahami konsep 8R, mencapai kadar kitar semula sebanyak 70% pada tahun 2022 dan seterusnya menjadikan Seberang Perai sebagai Bandaraya Rendah Karbon 2022 dan Bandaraya Bebas Karbon menjelang 2030.

Untuk makluman Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, saya yakin dengan adanya program sebegini kita dapat mencapai apa yang disasarkan. Di kesempatan ini, saya ingin ucapkan syabas dan tahniah kepada semua jurulatih dan komuniti yang terlibat dalam menjayakan program sebegini. MBSP sedia membantu dan memberikan khidmat nasihat / latihan bimbingan kepada sesiapa sahaja yang berminat. Program sebegini bukan sahaja boleh menjana kreativiti dan inovasi malah boleh memberi sumber pendapatan kepada pihak tuan-tuan dan puan-puan.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

MBSP juga menyediakan platform kepada komuniti untuk memasarkan produk-produk *upcycle* mereka. Antara platform-platform yang disediakan bagi pengusaha produk *upcycle* untuk memasarkan produk mereka adalah di Karnival 8R, Pasar Awam Kota Permai yang dianjurkan bersama Junior Chamber Institute dan dilancarkan pada 25 Feb 2018. Selain itu, MBSP dengan kerjasama pihak swasta dan pemaju juga telah mewujudkan Karnival *Upcycle*.

Karnival *Upcycle* yang pertama telah dimulakan di Auto City, Juru bermula Mac 2017, pada setiap Hari Sabtu pertama bermula jam 7.00 pagi hingga 10.30 malam. Pihak Pengurusan Autocity, Juru telah menyediakan tapak-tapak jualan kepada pihak komuniti yang mempunyai barangan *Upcycle* untuk dipromosi dan dijual. Program ini telah mendapat sambutan yang amat mengalakkan di mana, selain daripada penjualan produk *upcycle*, mereka juga mendidik warga Seberang Perai supaya barang-barang dibuang boleh di "*Recover*" melalui kreativiti menggunakan semula bahan-bahan buangan. Ini dapat memanjangkan jangka hayat dan selanjutnya tidak dilupuskan di tapak pelupusan sampah.

Saya amat bangga kerana pihak Design Village telah menunjukkan minat dengan aktiviti Karnival seperti ini dan saya berharap agar program ini akan mendapat sambutan yang mengalakkan daripada pengunjung.

Jika terdapat sesiapa atau mana-mana komuniti yang berminat untuk menyertai Karnival *Upcycle* di Design Village atau mengadakan Bengkel *Upcycle* bersama komuniti, bolehlah menghubungi Pegawai Unit Eko Komuniti, Jabatan Kemasyarakatan, MBSP.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,

Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menetapkan sasaran untuk menjadi **Bandar Raya Rendah Karbon pada tahun 2022, Bandar Raya *carbon neutral* pada tahun 2030, iaitu 10 tahun dari Januari 2020 dan menjadi Bandar Raya Sifar Karbon pada tahun 2050.** MBSP juga komited untuk bersama bandar raya-bandar raya lain di dunia untuk menanggapi perubahan cuaca supaya dapat **mengehadkan pemanasan global ke 1.5 °C.**

Strategi utama untuk mencapai “*key objective*” di atas ialah pengurangan jejak karbon melalui peningkatan kadar kitar semula sebanyak 70% dan pengurangan 50% per kapita penghasilan sampah pada tahun 2022. Hari ini, saya dengan sukacitanya mengumumkan Seberang Perai telah berjaya mencapai kadar kitar semula tertinggi di Malaysia iaitu 51.64% pada tahun 2019, iaitu peningkatan sebanyak 4.49% dari tahun 2018.

Saya juga ingin memaklumkan Seberang Perai telah berjaya mengurangkan penghasilan karbon per kapita sebanyak 16.5% pada tahun 2019 iaitu dengan bacaan sebanyak 6.88 tan CO₂eq seorang berbanding tahun 2015 sebanyak 8.24 tan CO₂eq seorang. Seberang Perai juga telah berjaya mengekang peningkatan pelepasan karbon sebanyak 10,436,480 CO₂eq jika dibandingkan dengan *business as usual* atau jika tiada usaha pengekangan dibuat oleh MBSP. Pencapaian ini telah membolehkan MBSP tersenarai dalam sepuluh bandaraya terbaik di rantau Asia dan antara 100 bandaraya terbaik di dunia oleh *Carbon Disclosure Project (CDP)*.

Pencapaian besar ini bukanlah kebetulan tetapi hasil daripada perancangan yang rapi diikuti dengan tindakan yang jitu. Justeru itu marilah kita teruskan momentum ini, tidak boleh ditangguh atau dilengahkan, memandangkan kita mempunyai visi yang lebih besar untuk dicapai iaitu untuk menjadikan Seberang Perai sebuah Bandar Raya Rendah Karbon

(*Low Carbon City*) dan Bandar Raya Pintar (*Smart City*) menjelang Tahun 2022.

Pencapaian ini juga membolehkan MBSP melaksanakan kesemua 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) yang merupakan sasaran *New Urban Agenda 2030* untuk mencapai Bandar raya yang mampan. Pencapaian ini telah diiktiraf oleh *United Nations* (UN) dan MBSP telah membentangkan pencapaian ini semasa persidangan *10th World Urban Forum* pada 8 hingga 13 Februari 2020 di Abu Dhabi, UAE. MBSP adalah antara beberapa bandar raya di dunia, selain daripada New York, Helsinki, Tokyo dan Taipei, yang telah berjaya membentangkan *Voluntary Local Review* berkenaan pelaksanaan 17 *Sustainable Development Goals* (SDGs) di Seberang Perai. Seberang Perai telah berjaya melaksanakan kesemua 17 SDGs di peringkat tempatan dan telah menjadikannya satu kenyataan kepada masyarakat, isi rumah dan individu.

Yang Berhormat, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Yang dihormati sekalian,

Saya mengalu-alukan penyertaan sekolah-sekolah, komuniti-komuniti, syarikat-syarikat besar, pasar-pasar raya atau semua yang berminat di seluruh Seberang Perai untuk menyertai Karnival atau Program *Upcycle* ini.

Adalah diharapkan tuan-tuan dan puan-puan dapat menunjukkan komitmen yang tinggi serta melaksanakan ciri-ciri amalan hijau dengan cemerlang ke arah perubahan alam sekitar yang positif. Ini merupakan satu titik mula yang penting dalam membentuk masyarakat yang menjaga dan mencintai alam sekitar sejajar dengan matlamat Majlis Bandaraya Seberang Perai untuk menjadi Bandaraya Rendah Karbon menjelang tahun 2022.

MBSP sentiasa menjadikan “*Seberang Perai is For All*” sebagai *guiding principal* dalam memacu MPSP ke arah inklusif. Justeru itu, bagi mencapai “*Seberang Perai An Aspiring City Of Tomorrow*”, saya menyeru kepada seluruh warga Seberang Perai untuk terus memberikan sokongan kepada MBSP ke arah matlamat menjadikan **Seberang Perai Resilient, Inklusif, Hijau, Kompetitif dan Bandar Pintar Dipacu oleh Teknologi**.

Diharapkan dengan Pelancaran Karnival Upcycle Design Village ini dapat membantu MBSP untuk menjaga Seberang Perai supaya lebih bersih dan cantik serta mempunyai penduduk yang sihat sejajar dengan *tagline* MPSP iaitu “**Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan**” atau “**Seberang Perai Aspiring City of Tomorrow**”.

Sebagai mengakhiri kata-kata, dengan lafaz BISMILLAH saya dengan ini merasmikan Majlis Pelancaran Karnival Upcycle Design Village pada hari ini.

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.

Terima kasih.